Nama _____ Tarikh: _____

Praktis 7

BAB 7
Kesultanan Melayu Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor

Hal. Buku Teks: 114 – 135

Bahagian A

Jawab **semua** soalan.

1. Siapakah yang dilantik sebagai wakil mentadbir Pahang pada abad ke-15?
   A Seri Bija Diraja
   B Raja Muhammad
   D Sultan Mansur Shah
   C Sultan Muhammad Shah

2. Ketika Raja Muhammad berangkat dari Melaka ke Pahang untuk ditabalkan sebagai Sultan Pahang, siapakah golongan bangsawan Melaka yang mengiringinya?
   A Menteri
   B Laksamana
   C Temenggung
   D Perdana Menteri

3. Pengasasan Kesultanan Pahang pada tahun 1470 oleh Raja Muhammad meliputi dari Sedili Besar hingga Terengganu. Di manakah pusat pemerintahan pertama?
   A Bera
   B Pekan
   C Kuantan
   D Temerloh

4. Sultan Abdul Jamil Shah adalah sultan ketiga yang memerintah Pahang. Bagaimanakah baginda berjaya mempertahankan Pahang semasa diserang oleh Siam?
   A Bantuan daripada Acheh
   B Bantuan daripada Terengganu
   C Bantuan daripada Kesultanan Johor
   D Bantuan daripada Kesultanan Melayu Melaka

5. Mengapakah Pahang terus diperintah oleh Kesultanan Johor Riau dari tahun 1614 hingga 1884 setelah kewafatan waris utamanya, iaitu Raja Muda Abdullah?
   A Wilayah pegangan Temenggung
   B Penerusan Kesultanan Johor Riau
   C Penerusan Kesultanan Melayu Melaka
   D Merupakan wilayah pegangan Bendahara Johor

6. Mengapakah Sultan Mahmud Shah dan keluarga meninggalkan Melaka dan bersemayam di Kampar, Sumatera?
   A Serangan Acheh
   B Serangan Portugis
   C Mengasaskan Kesultanan baru
   D Berakhirnya Kesultanan Melaka

7. Mengapakah Tun Saban dan Nakhoda Kassim menjemput putera Sultan Mahmud Shah di Kampar?
   A Tujuan keselamatan
   B Pewarisan tahta Perak
   C Pertabalan Sultan Perak
   D Mengasaskan Kesultanan Perak

8. Antara berikut yang manakah alat yang dibawa bersama-sama Raja Muzaffar semasa baginda berangkat ke Perak?
   I Nobat
   II Cap mohor
   III Pedang
   IV Keris Panjang Nang Chayam
   A I dan II C II dan III
   B I dan IV D III dan IV

LIVEWORKSHEETS

9. Di manakah pusat pemerintahan pertama Kesultanan Perak yang didirikan oleh Sultan Muzaffar?
   A Ipoh
   B Taiping
   C Tanah Abang
   D Kuala Kangsar

10. Siapakah yang mengiringi Tun Zainal Abidin ke Terengganu selain 80 orang keluarga Patani?
   A Pedagang
   B Tokoh agama
   C Golongan diraja
   D Golongan ilmuan

11. Apakah alat kebesaran yang dibawa oleh Sultan Terengganu untuk pertabalan diraja?
   A Nobat
   B Tombak
   C Cap mohor
   D Keris diraja

12. Wilayah Terengganu meliputi dari Kemaman hingga Besut.
   Di manakah Sultan Zainal Abidin I berjaya mendirikan pusat pemerintahan yang pertama?
   A Besut
   B Perhentian
   C Tanjung Baru
   D Kuala Terengganu

13. Sultan Zainal Abidin III merupakan Sultan Terenganu yang masyhur.
   Apakah sumbangan terpenting baginda?
   I Membina jalan raya
   II Menubuhkan pasukan polis
   III Membina Istana Maziah
   IV Membina baitulmal
   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

14. Apakah penganugerahan yang diterima oleh Raja Lumu daripada Sultan Mahmud Shah setelah ditabal sebagai Sultan Selangor?
   A Nafiri dan gong
   B Keris dan nobat
   C Cap mohor dan keris
   D Nobat dan cap mohor

15. Gambar berikut merupakan Sultan Ala'iddin Suleiman Shah yang merupakan Sultan Selangor yang terkenal.

   Apakah sumbangan baginda semasa pemerintahannya?
   A Pembinaan balai polis
   B Pembinaan mahkamah
   C Pembinaan landasan kereta api
   D Mengemaskinikan sistem sukat dan timbang

16. Maklumat berikut berkaitan Kesultanan Pahang.

Kesultanan Pahang mengamalkan sistem pewarisan takhta dan masih berasaskan pembesar empat, lapan dan enam belas.

   Antara berikut yang manakah empat pembesar utama Pahang?
   A Orang Kaya Paduka Tuan
   B Orang Kaya Temenggung
   C Orang Kaya Indera Shahbandar
   D Orang Kaya Temenggung Paduka Raja

LIVEWORKSHEETS

17. Keris berikut merupakan salah satu Keris Panjang Diraja.



Negeri manakah yang boleh dikaitkan dengan keris di atas?

A Pahang
B Kelantan
C Selangor
D Terengganu

18. Individu atau institusi agama manakah yang memainkan peranan penting dalam setiap negeri?

A Imam
B Sultan
C Perdana menteri
D Mahkamah Syariah

19. Gambar berikut merupakan salah satu adat istiadat Kesultanan Melayu, iaitu berendoi bayi.



Apakah yang dimaksudkan dengan adat tersebut?

A Bayi diperdengarkan gurindam
B Bayi diperdengarkan alunan zikir
C Bayi didodoi oleh orang yang berkuasa
D Bayi dicukur setelah berusia tujuh hari

20. Mata wang berikut merupakan gambaran mata wang yang digunakan oleh Kesultanan Pahang pada abad ke-19.

Apakah nama mata wang tersebut?

A Mata wang pitis
B Mata wang syiling
C Mata wang tampang
D Mata wang bongkah timah

LIVEWORKSHEETS